

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepadaimbangan dagangan (*balance of trade*) negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam menganalisa kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada imbalan dagangan negara, tempoh yang diguna adalah dari bulan Mac iaitu tempoh permulaan PKP sehingga bulan Mei 2020.
2. Nilai dagangan Malaysia dalam tempoh 3 bulan tersebut (Mac hingga Mei 2020) menyusut sebanyak 16.2% kepada RM396.09 bilion disebabkan oleh penurunan eksport dan import yang masing-masing menurun sebanyak 18.1% dan 14% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019.
3. Imbalan perdagangan pula merosot sebanyak 44.3% kepada RM19.09 bilion berbanding RM34.27 bilion bagi tempoh Mac - Mei 2019.
4. Antara faktor yang menyumbang kepada kemerosotan imbalan dagangan adalah import barang *lumpy*, dengan izin, iaitu pelantar carigali terapung (*floating & submersible drilling or production platform*) bernilai RM10.1 bilion pada bulan April 2020 yang menyebabkan berlakunya defisit perdagangan buat kali pertama sejak November 1998.
5. Dalam tempoh Mac hingga Mei 2020, penurunan eksport turut berlaku di dalam hampir semua sektor utama khususnya barang elektrik dan elektronik; barang perkilangan logam; jentera; kelengkapan dan peralatan; dan keluaran petroleum serta petroleum mentah.
6. Penurunan eksport adalah disebabkan sekatan operasi yang dikenakan kepada kebanyakan sektor utama semasa tempoh PKP. Penyusutan eksport adalah dijangka memandangkan kebanyakan negara di seluruh dunia berada dalam keadaan sekatan pergerakan (*lockdown*) bagi membendung penularan pandemik COVID-19. Ini telah menyebabkan gangguan serius terhadap aktiviti pembuatan serta rangkaian bekalan di peringkat global.

7. Namun, terdapat beberapa sektor yang menunjukkan peningkatan eksport terutamanya bagi sektor keluaran getah. Eksport sarung tangan getah negara melonjak sebanyak 31% bagi tempoh tersebut disokong oleh permintaan tinggi di pasaran global berikutan pandemik COVID-19. Selain itu, peningkatan eksport turut dilihat bagi produk peralatan perubatan seperti kit pemeriksaan (*test kits*) dan pembasmi kuman (*disinfectants*).

Tuan Yang di-Pertua,

8. Secara keseluruhannya, penurunan dalamimbangan perdagangan negara kesan dari Perintah Kawalan Pergerakan bagi tempoh Mac hingga Mei 2020, telah mengakibatkan nilai perdagangan negara bagi tempoh Januari hingga Mei 2020 merosot sebanyak 8.7% kepada RM688.57 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019. Eksport bagi tempoh tersebut menurun 9.7% kepada RM366.16 bilion dan import berkurang 7.5% kepada RM322.41 bilion. Lebihan dagangan pula bernilai RM43.75 bilion, menurun 23% berbanding tempoh yang sama tahun 2019.

Sekian, terima kasih.